

20 OGOS 2019 (SELASA)

WAN Rosdy (berdiri) ketika menjawab soalan di Persidangan DUN Pahang di Wisma Sri Pahang.

HARIAN METRO

Asrol Awang
am@hmetro.com.my

Kuantan

Kerajaan negeri belum menerima sebarang permohonan secara spesifik daripada kilang memproses nadir bumi, Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) bagi pembinaan fasiliti pelupusan kekal (PDF).

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, setakat ini tiada sebarang perbincangan dan permohonan berhubung tapak terbabit di negeri ini.

Katanya, jika Lynas membuat permohonan itu, aspek keselamatan rakyat akan diberi keutamaan sebelum sebarang keputusan mengenai perkara itu diputuskan.

“Sekiranya ia (pembinaan PDF) tidak mendatangkan masalah, kerajaan negeri sedia memberi kebenaran selepas mendengar pandangan pakar.

“Bagaimanapun, aspek keselamatan rakyat adalah keutamaan sebelum membuat



SIDANG DUN PAHANG

Tak terima permohonan

sebarang keputusan mengennainya... Sama ada diluluskan atau sebaliknya,” katanya.

Wan Rosdy berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Lee Chean Chung (PKR-Semambu) pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Un-

dangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang, semalam.

Beliau berkata, Lynas adalah cadangan daripada Kerajaan Persekutuan menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk dibina di Pahang.

“Isu berkaitan lesen Lynas dikeluarkan Kerajaan Persekutuan, bukannya kerajaan negeri.

“Oleh kerana ia (dicadang) dibina di negeri ini maka kita perlu mengambil kira aspek keselamatan rakyat terlebih dahulu,” katanya.